



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 40
No. 18

5hb September 1996

TAMBAHAN No. 53
PERUNDANGAN (B)

P.U. (B) 389.

AKTA PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM
(WILAYAH-WILAYAH PERSEKUTUAN) 1993

FATWA DI BAWAH SEKSYEN 34

FATWA yang berikut yang dibuat oleh Mufti bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan di bawah subseksyen 34(1) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 adalah disiarkan menurut subseksyen itu: Akta 505.

Risalah dan Ajaran yang Disampaikan oleh Juruzon bin Abd. Latif atau dikenali juga sebagai (Haji) Ahmad Al-Walidie (Pak Su)

- (i) Penyelewengan yang terdapat dalam risalah dan ajaran ini boleh membawa kepada kufur dan memecahbelahkan masyarakat.
- (ii) Risalah dan ajaran ini diharamkan.
- (iii) Risalah dan ajaran ini haram dibaca, diajar dan diamalkan.

Pembahagian Harta Pusaka Allahyarham Yatim bin Ahmad

- (i) Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak memutuskan bahawa harta pusaka Allahyarham Yatim bin Ahmad dibahagikan secara faraid seperti berikut:

<i>Bil.</i>	<i>Nama Waris</i>	<i>Hubungan</i>	<i>Pembahagian</i>
1.	Fatimah binti Idris	Isteri	1
2.	Eisah binti Hashim	Isteri	1
3.	Baitulmal		6
			<hr/>
			8 bahagian

- (ii) Setelah usaha-usaha yang dibuat untuk mengesan waris-waris Allahyarham yang dinamakan dalam perenggan (i) menemui kebuntuan, maka Jawatankuasa Perundingan Hukum Syarak memutuskan bahawa dua bahagian daripada harta yang menjadi hak waris-waris tersebut hendaklah diserahkan kepada Baitulmal sebagai pemegang amanah.
- (iii) Jika waris-waris Allahyarham yang dinamakan dalam perenggan (i) atau waris-waris kepada waris-waris tersebut yang sah menuntutnya ditemui, maka pihak Baitulmal hendaklah menyerahkannya semula kepada waris-waris yang berhak.

Pemujaan dan Pembinaan Bangunan di dalam Kawasan Tanah Perkuburan Islam di Lot 3752, Bukit Kiara, Damansara, Kuala Lumpur Warta Kerajaan No. 6444/1927

- (i) Amalan khurafat yang dilakukan di dalam kawasan tanah perkuburan tersebut adalah haram dan hendaklah dihapuskan.
- (ii) Bangunan-bangunan yang dibina di dalam kawasan tanah perkuburan tersebut hendaklah dirobohkan.
- (iii) Kawasan tanah perkuburan tersebut hendaklah dikawal.

Bertarikh pada 21 Ogos 1996.
[JAWI/A/145; PN. (PU²) 530/II.]

TAN SRI DATO' ABDUL KADER BIN TALIP,
Mufti,
Wilayah-Wilayah Persekutuan